

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 Mac 2017**

**SOALAN**

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah pencapaian terkini dan usaha Kerajaan meningkatkan 30 peratus penyertaan wanita sebagai pembuat dasar dan pengurusan tertinggi dalam sektor awam dan sektor swasta. Adakah pencapaian ini memuaskan berbanding negara-negara serantau.

## **JAWAPAN**

Dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan dan kepimpinan wanita dalam perkhidmatan awam dan sektor korporat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 dan diikuti dengan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat pada 27 Jun 2011 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Bagi sektor awam, berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, peratus wanita dalam pengurusan tertinggi telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 35.8 peratus bagi tahun 2016. Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang. Manakala bagi sektor korporat, berdasarkan statistik dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sehingga Disember 2016 terdapat 421,308 orang wanita atau 29.9 peratus dari keseluruhan 1,410,862 orang ahli lembaga syarikat (syarikat swasta dan syarikat awam) di sektor korporat. Tuan Yang Dipertua, KPWKM telah pun melaksanakan Program Pengarah Wanita dan menggariskan pelantikan atau dengan izin placement wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam sektor korporat (syarikat swasta dan syarikat awam) sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Pencapaian placement wanita tersebut sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam sektor korporat setakat ini telah pun mengatasi Negara Singapura dan Jepun . Secara perbandingan dengan negara-negara ASEAN, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang meletakkan sasaran dan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus serta mengambil langkah untuk mencapai sasaran tersebut. Secara keseluruhannya, sasaran 30 peratus dalam sektor awam telah tercapai dan ada yang telah melepassi sasaran. Manakala sektor korporat pula hampir mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Namun begitu, pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan peratusan wanita sebagai pembuat keputusan akan terus meningkat dan tidak hanya berada di tahap 30 peratus sahaja. Bagi sektor korporat pula, sungguhpun Malaysia mencatatkan rekod paling tinggi di kalangan negara-negara ASEAN, namun usaha dan inisiatif berterusan akan terus diambil bagi mendapatkan penglibatan wanita yang lebih meluas. KPWKM juga percaya dan komited Dasar 30% boleh tercapai dan pencapaian ini bukan setakat memberi manfaat kepada kaum wanita tetapi pembangunan negara yang lebih mapan.

